



JABATAN PERBENDAHARAAN

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI



MAKLUMAT TENTANG CUKAI TAKSIRAN @ CUKAI PINTU



JABATAN PERBENDAHARAAN

PENGENALAN

Jabatan Perbendaharaan adalah Jabatan yang menyelaras hasil dan perbelanjaan Majlis. Ianya terbahagi kepada tiga (3) bahagian dan sembilan (9) unit iaitu :-

Bahagian Perbelanjaan	Bahagian Hasil	Bahagian Perakaunan	Pentadbiran
➤ Unit Bajet ➤ Unit Gaji ➤ Unit Bayaran	➤ Unit Operasi ➤ Unit Bil & Notis	➤ Unit Rekod ➤ Unit Akaun ➤ Unit Kutipan	➤ Unit Pentadbiran

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN

- Menyediakan Bajet Tahunan Majlis
- Mengurus bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan
- Mengurus pembayaran emolumen dan elaun kepada kakitangan dan Ahli Majlis
- Mengawal keseluruhan data cukai taksiran agar teratur dan mudah disemak
- Menyelaras pelaksanaan penguatkuasaan tunggakan cukai taksiran selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171) bagi mengurangkan tunggakan
- Menjawab aduan berkaitan cukai taksiran dan membantu menyelesaikan masalah yang dibangkitkan
- Penyediaan Penyata Kewangan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171)

- Mengurus aliran tunai Majlis
- Bertanggungjawab dalam merekod kutipan hasil Majlis dan mengawal perbelanjaan
- Memastikan sumber pendapatan Majlis dibelanjakan ke arah untuk meningkatkan keselesaan hidup pembayar cukai
- Bertindak sebagai penasihat dalam hal-hal berkaitan kewangan

PIAGAM PELANGGAN

Bil cukai taksiran bangunan dan tanah akan dikeluarkan dalam bulan Disember / Januari bagi setengah tahun pertama dan bulan Jun / Julai bagi setengah tahun kedua setiap tahun



KUASA KERAJAAN TEMPATAN MBSP

Cukai Taksiran dikenakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171)

Jenis harta tanah yang dikenakan cukai

- a. Rumah kediaman
- b. Harta perdagangan (kedai, komplek, hotel dan sebagainya)
- c. Harta perindustrian (kilang, pelabuhan dan sebagainya)
- d. Tanah (kosong tanpa bangunan atau yang diberi kelulusan untuk pelan tatasusunan)

MAKLUMAT KEPADA PEMBAYAR CUKAI

A. Tempoh bayaran bagi bil cukai taksiran adalah seperti berikut:


Setengah Tahun	Tempoh Pembayaran
Pertama	1 Januari sehingga 28 @ 29 Februari
Kedua	1 Julai sehingga 31 Ogos

B. Cara dan lokasi bayaran bil cukai taksiran

1. Aplikasi pintar ASPIRE Seberang Perai



Muat turun Aplikasi ASPIRE Seberang Perai	
Download on the App Store	Pengguna iPhone
GET IT ON Google Play	Pengguna Android
EXPLORE IT ON AppGallery	Pengguna Huawei
Cara bayaran	
FPX Pay with Online Banking	MasterCard, VISA
DuitNow	DuitNow QR



2. Laman web / Portal

i.	Layari laman web MBSP - Perkhidmatan <i>Cyber Counter</i> - Cukai Kadaran/Taksiran - Menyemak/Membayar Cukai Taksiran https://www.mbsp.gov.my	MasterCard & Visa juga MEPS FPX
ii.	Gerbang Pembayaran MBSP https://mbsppay.mbsp.gov.my	
iii.	Gerbang Pembayaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang https://ebayar.penang.gov.my	
iv.	Gerbang Pembayaran Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) https://pbtpay.kpkt.gov.my	MEPS FPX
v.	 Biller Code : 5322 Ref-1 : Nombor akaun cukai Ref-2 : Nombor Telefon	Perbankan Internet Melalui JomPAY



3. Agen Bank

Nama Bank	Kemudahan di tawarkan							
	Kaunter	Internet	Telefon	ATM	TDC	MDT	Auto Debit	SMS
BIMB	❖	✓		✓	❖	❖	✓	✓
CIMB	❖	✓						✓
HSBC		✓	✓					
Maybank		✓	✓	✓				
MBF Cards		❖	❖				✓	❖
Public Bank		✓		✓				



Terbuka untuk semua



Pemegang akaun bank berkaitan sahaja



4. Lain-lain Agen Kutipan

Seluruh Negeri Pulau Pinang		Seluruh Malaysia	
Agensi Bukan Bank		e-wallet	Kiosk
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA)		Boost	Kiosk Payquik (Paylink)
Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)		Shopee	ASPIRE Cashless Smart Kiosk
Pos Malaysia Berhad dan www.posonline.com.my		Touch & Go	Kaunter 7 Eleven

5. Kaunter Bayaran MBSP

Ibu pejabat	Kaunter Butterworth	Kaunter Nibong Tebal
Menara Bandaraya Jalan Perda Utama Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam Tel: 04 5497555	Jalan Kampung Jawa 12000 Butterworth Tel: 04-3105571	Kaunter Hasil Kompleks Pejabat Kerajaan 14200 Sungai Jawi Tel: 04-5831701

Nota :

Pembayaran melalui cek, deraf bank atau kiriman wang hendaklah dipalang “Akaun Penerima Sahaja”. Nombor Akaun cukai dan nombor telefon pembayar hendaklah ditulis dibelakang dan dibayar kepada **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**



C. Risiko jika tidak membayar mengikut tempoh yang ditetapkan

Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171)

1. Notis Borang E (Seksyen 147)

Notis Borang E akan dikeluarkan sekiranya tiada bayaran diterima sebelum atau pada 28 atau 29 Februari dan 31 Ogos. Caj notis **RM10.00** akan dikenakan pada setiap penggal dan perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan oleh MBSP.

2. Waran Tahanan (Seksyen 148)

Jika masih tiada bayaran diterima selepas tempoh yang diberikan oleh Notis Borang E, waran tahanan akan dikeluarkan dan kos waran tersebut adalah **RM 50.00**.

Waran ini memberi kuasa kepada pegawai MBSP untuk:

- Merampas (mensita) harta alih yang ada di dalam premis berdasarkan Seksyen 148(2)
- Memecah buka premis bagi melaksanakan waran tahanan mengikut Seksyen 148(3)

3. Jualan Harta yang ditahan (Seksyen 149)

- Harta Alih yang disita boleh dilelong.
- Hasil lelongan setelah ditolak kos, hendaklah digunakan bagi menjelaskan tunggakan berserta bunganya (Seksyen 150)

4. Menahan dan menjual pegangan (Seksyen 151)

- Melelong bangunan/tanah melalui Pendaftar Mahkamah Tinggi



KEMUDAHAN MENYEMAK & MEMBAYAR BIL CUKAI TAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN DI LAMAN WEB MBSP

Langkah 1	Layari Laman Web MBSP https://www.mbsp.gov.my ➤ Perkhidmatan <i>Cyber Counter</i> ➤ Cukai Kadaran / Taksiran ➤ Menyemak / Membayar Cukai Taksiran
Langkah 2	Masukkan NOMBOR AKAUN Cukai Taksiran & Klik SEMAK AKAUN ➤ Maklumat Cukai Akan Dipaparkan ➤ Klik Cetak Bil Jika Perlu
Langkah 3	Pilih KLIK DI SINI Untuk Teruskan Pembayaran Melalui Laman Web
Langkah 4	➤ Pilih Cara Bayaran: Bayar dalam talian SEKARANG ➤ Masukkan Maklumat e-mel & nombor telefon (<i>Untuk tujuan penghantaran resit digital</i>) ➤ Pilih Atau Masukkan: JUMLAH bayaran & Klik seterusnya
Langkah 5	Pilih PAYMENT METHOD & Klik BUAT BAYARAN Teruskan Sehingga Proses Pembayaran Selesai & Transaksi Berjaya. Cetak Atau <i>Download Resit Rasmi</i>



SILA KEMASKINI MAKLUMAT E-MEL DAN NO. TELEFON BIMBIT ANDA SEGERA

MBSP GIAT MELAKSANAKAN PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT ASAS PEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN UNTUK TUJUAN KEMASKINI PANGKALAN DATA DAN PENGHANTARAN PEMAKLUMAN SERTA INFO BIL CUKAI TAKSIRAN SECARA DIGITAL MELALUI SMS ATAU E-MEL.

- | | |
|-----------|---|
| Langkah 1 | Layari Laman Web MBSP https://www.mbsp.gov.my
➢ Perkhidmatan <i>Cyber Counter</i>
➢ Cukai Kadaran / Taksiran
➢ Menyemak / Membayar Cukai Taksiran |
| Langkah 2 | Masukkan NOMBOR AKAUN Cukai Taksiran & Klik SEMAK AKAUN |
| Langkah 3 | <i>Pop Up Notification</i> akan dipaparkan pada skrin dan klik KEMASKINI E-MEL & NO.TELEFON |
| Langkah 4 | Isikan maklumat alamat e-mel dan nombor telefon bimbit yang sah. Klik Minta SMS TAC untuk tujuan pengesahan. Masukkan nombor SMS TAC yang diterima dan tekan sahkan maklumat.

Proses kemaskini selesai |

